

23/10/2003

Barat bimbang PM bangkitkan umat Islam

Abd Manaf Ahmad

APAKAH benar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menanam semangat supaya umat Islam membenci orang Yahudi dan seterusnya mengatur satu strategi dengan tujuan menghapus negara Israel ketika berucap pada persidangan ke-10 OIC di Putrajaya, minggu lalu?

Ucapan itu mencetuskan perasaan marah orang Yahudi yang merampas bumi Arab Palestin dan dijadikan negara Israel. Ini dilakukan dengan sokongan padu negara besar tertentu sebagai hadiah kepada orang Yahudi kerana menebus kesalahan mereka menzalimi bangsa itu di Eropah dulu.

Menurut mereka, usaha Perdana Menteri itu mesti dihalang. Mulutnya mesti ditutup kerana beliau boleh membuka minda umat Islam. Suaranya boleh menyatukan semula umat Islam dan mempunyai peluang mengembalikan kegemilangan tamadun Islam yang lalu.

Mereka sedar kuasa besar juga ada kepentingan semasa dan bukan mustahil suatu masa nanti kuasa besar juga akan sedar keperluan bekerjasama dengan negara Islam. Mereka bimbang negara Israel akan terpinggir.

Tohmahan mereka itu tidak benar, malah rakyat Israel tidak sepatutnya membuat fitnah terhadap Dr Mahathir melalui media gergasi yang menyokong mereka.

Sebenarnya mereka patut berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana membuka lipatan sejarah dunia mendedahkan kekejaman Eropah terhadap orang Yahudi terutama ketika Perang Dunia Pertama.

Orang Yahudi tidak sepatutnya menentang Dr Mahathir kerana dalam ucapan itu beliau mengajak umat Islam bekerjasama dengan orang Yahudi sebagaimana mereka menolong bangsa itu ketika mereka lari daripada kezaliman Eropah ke negara Arab di Maghribi, Tunisia, Libya dan Mesir.

Keturunan mereka yang masih tinggal di negara ini boleh membuktikan negara Islam melindungi mereka.

Dr Mahathir membuat seruan supaya umat Islam bersabar dan jangan bertindak balas terhadap keganasan Israel kerana reaksi yang negatif itu sudah berlalu 50 tahun, tindakan balas seumpama itu tidak mendatangkan sebarang hasil malah membawa kemudaratan lebih besar.

Umat Islam tidak perlu melayan emosi marah mereka tetapi wajar merancang dan mengatur strategi bagaimana dapat mengembalikan kegemilangan umat Islam pada masa silam itu.

Pada pendapat saya, Dr Mahathir berjaya menawan hati pemimpin Arab apabila beliau mengemukakan pandangan dengan caranya tersendiri supaya umat Islam berdamai dengan Israel kerana gesaan itu selaras dengan ajaran Islam seperti surah Al-Anfaal ayat 61 yang bermaksud: "Jika pihak musuh cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung

kepadanya."

Beliau juga membenteng fakta sejarah perjanjian Hudaibiah antara Nabi Muhammad saw dengan kaum Quraish Makkah yang ditentang sahabat kerana Nabi

kita bersifat lemah lembut dan terlalu mengalah.

Tetapi akhirnya perjanjian yang dikecam itu mendapat kejayaan besar apabila Nabi dapat menawan kota Makkah dengan aman tanpa pertumpahan darah.

Pada masa lalu gesaan berdamai dengan Israel tentu mendapat tentangan hebat daripada negara Islam.

Saya berasakan Dr Mahathir menjangkakan ramai orang Islam akan bangun menentangnya. Tetapi apa yang berlaku ialah sebaliknya. Israel menentang tetapi umat Islam menerimanya. Ini satu kejayaan besar bagi Dr Mahathir.

Mekanisme untuk perdamaian itu sudah diputuskan Pertubuhan Bangsa-bangsa

Bersatu (PBB) tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana keengganan kedua-dua

pihak.

Rakyat Palestin menderita di khemah pelarian lebih 50 tahun dan kita umat Islam, tidak boleh berbuat apa-apa untuk mereka, hanya mencipta kata-kata kosong.

Dengan berani, Dr Mahathir merungkai masalah ini di depan pemimpin kerajaan Islam di Putrajaya. Beliau berani mengajak umat Islam berdamai dengan Israel untuk kepentingan keamanan, ketenteraman awam supaya semua pihak dapat mencari makan dengan tenang tanpa risau masa depan yang tidak

menentu, malah kita semua dapat menumpukan sepenuh masa untuk pembangunan

dan merancang masa depan yang cerah.

Ucapan Dr Mahathir itu bukan usaha menghapus negara Israel yang tidak mungkin berlaku kerana negara Israel diiktiraf PBB dan disokong kuat oleh

kuasa besar.

Sebenarnya Israel dan konconya menentang ucapan Dr Mahathir kerana mereka tidak mahu melihat kebangkitan semula umat Islam melalui reformasi

dalam bidang pendidikan, pentadbiran, ekonomi, pertahanan, penyelidikan seperti disarankan Dr Mahathir.

Barat bimbang jika saranan itu mendapat sambutan positif umat Islam, wujud persaingan yang hebat dengan kuasa ekonomi dunia yang menjadi penyokong kuat mereka selama ini.

Oleh itu, mereka membuat pelbagai andaian dan kemudian mengutuk serta mengancam Dr Mahathir dengan harapan negara Islam tidak terpengaruh dengan

perancangan dan strategi yang diutarakan oleh Perdana Menteri itu.

Sekarang pun mereka mula sedar kesan kecergasan Malaysia dalam perdagangan antarabangsa. Mereka bimbang suatu masa nanti Malaysia menjadi

kuasa ekonomi melalui proksi dengan negara Islam dan negara berkecuali yang sudah mendapat perhatian dan sokongan. Mereka bimbang e-Dinar yang dirancang Malaysia menjadi kenyataan.

Dalam masa begitu singkat pada acara sampingan persidangan OIC, Malaysia

berjaya memeterai beberapa perjanjian perdagangan dua hala dan perkongsian pintar dengan negara OIC yang sesetengahnya mempunyai kekayaan minyak tetapi tidak mempunyai kepakaran tertentu yang boleh disumbangkan Malaysia.

Sesetengah negara mempunyai tanah luas dan subur tetapi tidak ada kepakaran menerokai bidang pertanian kerana keadaan keselamatan tetapi Malaysia berani melakukannya.

Buktinya, pasaran minyak sawit negara ini berjaya menyaingi minyak soya di Timur Tengah dan Asia. Bahkan ada negara Islam yang berminat dan meminta kepakaran Malaysia menubuhkan badan seperti Tabung Haji di negara mereka. Perkara sebeginilah sebenarnya yang menjadi kebimbangan mereka susulan ucapan Perdana Menteri itu.

Barat juga rasa terkejut apabila melihat Presiden Russia, Vladimir Putin menghadiri persidangan OIC sebagai pemerhati dan menjadi tetamu Kerajaan Malaysia.

Mereka sedar pemerintah Russia mempunyai kemampuan yang tinggi dari segi sains dan teknologi. Russia bukan saja masih berupaya membantu negara Islam dari segi ilmu pengetahuan, mereka memiliki kelengkapan senjata pertahanan, kapal terbang dan peralatan perang yang canggih.

Barat sangat takut jika kekayaan negara Islam boleh disalurkan melalui program meningkatkan kemampuan umat Islam dalam bidang pertahanan, tentu umat yang dipandang rendah itu akan digeruni nanti.

Sejarah pernah membuktikan senjata pertahanan Russia berjaya mengekang kemaraan tentera Israel pada perang Arab-Israel 1967 tetapi sayangnya tentera Arab ketika itu tidak mengambil berat terhadap teknologi peralatan perang yang canggih, menyebabkan mereka kalah.

Barat juga tidak lupa Russia ada kuasa veto pada Majlis Keselamatan PBB.

Selama ini pun Russia bersama Negara Berkecuali bersikap tidak memihak dalam banyak isu antarabangsa. Oleh sebab itu, kehadiran Presiden Russia itu sangat membimbangkan dan dicemburui Barat.

Namun harus diingat, keadaan dan perasaan cemburu mereka bersebab. Selalunya orang yang cemburu sanggup melakukan apa saja termasuklah mengeluarkan kata-kata kesat apabila dikritik!

Negara yang kuat mengkritik negara jirannya seperti Australia tentu berasa tidak senang duduk kerana Malaysia memberi laluan kepada Russia menghadiri persidangan OIC, walaupun sebagai pemerhati sedangkan Australia, dari segi geografinya sangat dekat dengan Malaysia tidak dipelawa mahupun diterima menyertai Asean sekalipun menagihnya berkali-kali. Mereka sangat kecewa.

Negara asing tentu cemburu dengan peluang yang berada di depan kita. Mereka sedang melakukan pelbagai cubaan mengacah kita supaya melatah.

Jika kita mudah lupa, semua peluang itu akan hilang dan umat Islam kekal pada takuk yang lama.

Sebagai bangsa Malaysia yang mahu bangun, kita semua harus berpegang kepada falsafah yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir bahawa Malaysia boleh!

Seluruh umat Islam di dunia pun boleh menggunakan slogan umat Islam boleh!

* PENULIS adalah Timbalan Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim).